

"Kita tidak boleh memarahi atau ajar seperti kanak-kanak biasa kerana mereka lebih memahami apabila diberikan gambaran atau secara visual"

Aidil Fadzli



HARIAN METRO



Syazwan Msar
mohdsyazwan@hmetro.com.my

Gombak

Menjadikan kanak-kanak autisme menghafal al-Quran sering dianggap mustahil oleh banyak pihak namun berkat kegigihan seorang ustaz misi mustahil itu berjaya menjadi realiti. Dikasari dan diherdik anak murid sendiri adalah antara cabaran yang perlu diilahi namun Aidil Fadzli Mesran yang juga Mudir Akademi al-Quran Ar-Rayyan tabah menghadapi semua itu untuk memastikan kanak-kanak autisme boleh menghafal al-Quran seperti insan normal.

Berkat kesabaran itu, Aidil Fadzli bersama beberapa guru lain di akademi ini kini boleh berbangga kerana hampir keseluruhan 17 murid yang mempunyai masalah autisme dan pembelajaran sudah boleh membaca ayat al-Quran, doa, bersolat dan mengambil wuduk.

Malah, seorang daripada murid autisme itu juga sudah mampu menghafal beberapa

GURU akan menenangkan murid sebelum meneruskan pembelajaran.



MURID menggunakan alat khas dalam mempelajari al-Quran.



ayat al-Quran dan bersolat. Aidil Fadzli berkata, idea untuk membubuhkan Akademi al-Quran Ar-Rayyan, di sini, bermula selepas dia menghadapi

kesukaran mencari pusat tahfiz yang boleh mengajar anak ketiganya Arayyan, 6, yang menghidap autisme untuk belajar perkara asas fardu ain serta al-Quran.

"Melihat kepada keadaan itu, saya sedih kerana sibuk mengajar anak orang lain mengaji dan bersolat, namun anak sendiri pula diabaikan.

"Puas saya mencari pusat pengajian yang boleh mengajar anak autisme, namun semuanya menolak sebelum nekad membuka sendiri akademi ini sekali gus memberi peluang kepada mereka untuk mempelajari

al-Quran dan solat," kata bekas pelajar Universiti Taiz, Yaman ini.

Menurutnya, akademi berkenaan yang mula dibuka sejak enam bulan lalu menggunakan pendekatan berbeza iaitu lebih banyak

TERAPI LEMBUT ANAK SYURGA

■ Seramai 17 murid autisme jalani modul istimewa pelajari al-Quran, solat hasil usaha seorang ustaz



MURID autisme melpat sejadah dalam usaha mengajar mereka berakbari.

HARIAN METRO



menggunakan terapi dan pendekatan menerusi bacaan ayat al-Quran dalam melembutkan hati anak syurga berkenaan.

secara tiba-tiba dan mengamuk jika kehendak mereka tidak diikuti.

"Oleh itu, setiap daripada mereka perlu melalui fasa tertentu supaya biasa dengan perubahan keadaan sekeliling dan seterusnya boleh mengikuti kelas pembelajaran tanpa sebarang masalah.

Setakat ini kami mempunyai 17 murid antara lingkungan empat hingga 22 tahun dengan dibantu oleh empat tenaga pengajar yang sentiasa memberikan perhatian sepenuhnya kepada mereka.

"Setiap kelas mempunyai sekurang-kurangnya empat murid dengan seorang guru

Setiap daripada mereka perlu melalui fasa tertentu supaya biasa dengan perubahan keadaan sekeliling dan seterusnya boleh mengikuti kelas pembelajaran tanpa sebarang masalah"

Selain itu, berkaitan kos operasi akademi berkenaan, Aidil Fadzli berkata, beliau perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya RM30,000 termasuk membayar gaji guru dan sewa.

"Sememangnya membuka akademi ini tidak mendatangkan keuntungan, namun lebih kepada tanggungjawab sosial kepada masyarakat dalam melahirkan kanak-kanak autisme mempunyai pengetahuan dalam agama.

"Pada masa sama, saya ada menjalankan perniagaan lain dan keuntungan daripada itulah digunakan bagi menampung kos operasi akademi berkenaan," katanya.

AIDIL Fadzli (kiri) bersama tenaga pengajar dan murid.



Dicekik murid ketika mengajar

Gombak: "Saya pernah dipukul dan dicekik murid sendiri apabila kehendak mereka tidak diikuti," kata guru agama Akademi Quran Ar-Rayyan Nur Hamama Sakinah Ithnin, 24, yang berpengalaman lebih enam bulan mengajar agama kanak-kanak autisme.

mendidik mereka untuk pandai dalam ilmu agama. Bekas pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) itu berkata, walaupun terdapat pengalaman pahit dalam mendidik anak autisme, namun segalanya berubah apabila melihat mereka boleh mengaji al-Quran dan bersolat seperti insan normal lain.

keadah yang betul bagi memastikan setiap proses pembelajaran tiada sebarang masalah. "Pada peringkat awal memang terlintas untuk berhenti namun saya memikirkan nilai tanggungjawab dan amanah yang perlu dipikul supaya mereka pandai dalam ilmu agama," katanya ketika ditemui, di sini.

berkenaan lebih-lebih lagi apabila melihat ada antara kanak-kanak berkenaan sudah mampu menghafal ayat al-Quran dengan hanya memberikan nama surah saja. "Malah, mereka juga mampu membaca potongan ayat al-Quran apabila diminta berbuat demikian. "Perkembangan positif itu cukup memberikan rasa puas hati kepada guru agama di akademi ini kerana segala usaha dan penat lelah ternyata berbaloi," katanya.



Murid autisme doa kesejahteraan ibu bapa

Kuala Lumpur: Mendengar bacaan ayat al-Quran daripada seorang anak yang menghidap autisme cukup meruntun hati seorang ibu. Ini kerana sebelum ini dia menganggap perkara itu sebagai mustahil dilakukan dengan keadatan anaknya itu. Dia turut tersentuh apabila anak yang dibesarkan itu mampu mendoakan kesejahteraan ibu bapa mereka walaupun mengalami masalah pembelajaran selain boleh bersolat.

Noor Azlina berkata, anaknya itu sememangnya mempunyai kelebihan menghafal lulu menghantar ke Akademi Quran Ar-Rayyan untuk memantapkan lagi pemahaman dan hafalan mengenai al-Quran dan bacaan solat. "Anak saya mengikut sesi pembelajaran di Permata Kurnia sebelum mengikuti pengajian pada sebelah petang di akademi berkenaan. "Alhamdulillah, sepanjang tempoh empat bulan mengikut kelas pengajian yang dilaksanakan tenaga pengajar berpengalaman, anak sudah menunjukkan petanda positif, malah sikap pemarah pun berkurangan," katanya yang menetap di Keramat, di sini.



NUR Hamama memberi tarbiyah ajar kepada murid cara bersolat.